

02/07/2003

Pengawal peribadi PM terima pingat

EMPAT pengawal peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, (gambar) dianugerahkan pingat oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada istiadat penganugerahan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis dan Pingat Keberanian Polis 2003 di Istana Negara, semalam.

Mereka ialah Ketua Pengawal Peribadi Perdana Menteri, Datuk Mohamad Ali (dua dari kanan) yang menerima Panglima Setia Pasukan Polis serta (dari kiri) Sarjan Mejar Roslan Othman; Sarjan Adnan Abdul Hamid dan Sarjan Mejar Ismail Manaf, masing-masing menerima Bentara Pasukan Polis.